

**NO SOALAN :50****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO SRI WILLIAM MAWAN IKOM (SARATOK)**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 31.07.2017**

**Y.B. TAN SRI DATO SRI WILLIAM MAWAN IKOM [ SARATOK ]**

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah yang sedang dan akan diambil bagi membolehkan nilai Ringgit Malaysia terus mengukuh berbanding mata wang Negara asing.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penyusutan nilai mata wang pada tahun 2015 dan 2016 bukanlah sesuatu yang unik kepada Malaysia sahaja. Keadaan ini turut dialami oleh mata wang serantau yang mencerminkan terutamanya pengukuhan dolar AS. Pada tahun 2016, nilai ringgit telah menyusut

sebanyak 4.3% berbanding dolar AS. Penyusutan nilai ringgit kebanyakannya didorong oleh perubahan aliran dana yang dipengaruhi oleh faktor luaran.

2. Pada tahun 2017, nilai ringgit semakin stabil dan meningkat sebanyak 4.5% (sehingga 17 Julai 2017) berbanding dolar AS. Ini disebabkan oleh kemasukan semula aliran dana portfolio pelabur bukan pemastautin ke dalam pasaran kewangan Malaysia.

3. Selain penurunan nilai mata wang dolar AS, peningkatan nilai mata wang Ringgit sejak awal tahun ini turut disumbang oleh penunjuk-penunjuk ekonomi utama Malaysia yang semakin positif iaitu pertumbuhan eksport dan KDNK yang lebih tinggi. Kegiatan ekonomi yang semakin menggalakkan ini dapat membantu meningkatkan sentimen pelabur dan seterusnya menyokong pengukuhan nilai ringgit.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Sentimen positif terhadap ringgit turut disokong oleh langkah-langkah pembangunan pasaran yang diperkenalkan oleh Jawatankuasa Pasaran Kewangan (FMC) dan Bank Negara Malaysia

pada penghujung tahun 2016.

5. Kesan langkah-langkah tersebut dapat dilihat di mana aktiviti kontrak hadapan tanpa serahan (*non-deliverable forward*, NDF) dalam pasaran luar pesisir telah berkurang. Volatiliti nilai ringgit juga telah berkurang dengan ketara. Pertukaran mata wang asing bersih daripada eksport telah meningkat sejak Disember 2016. Pada bulan Mei 2017, pertukaran asing bersih berjumlah USD 1.1 bilion.

6. Pada bulan April 2017, FMC bersama-sama Bank Negara Malaysia, telah mengumumkan langkah-langkah liberalisasi tambahan untuk meningkatkan mudah tunai pasaran bon. Selain itu, langkah tersebut juga memberi lebih fleksibiliti terhadap aktiviti lindung nilai kepada pelabur dan peniaga tempatan untuk mengurus risiko dedahan kadar pertukaran di dalam negara. Langkah-langkah ini akan terus memperdalam pasaran pertukaran asing dan pasaran kewangan domestik, sekaligus meningkatkan permintaan aset kewangan ringgit dan seterusnya mengukuhkan kadar pertukaran ringgit.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Langkah-langkah pembangunan pasaran yang diperkenalkan pada

penghujung 2016 dan April 2017 telah menstabilkan nilai mata wang ringgit dan turut berperanan dalam mengimbangkan penawaran dan permintaan mata wang asing di pasaran mata wang tempatan.

8. Bagi memastikan kadar pertukaran mata wang ringgit lebih kukuh, Kerajaan akan terus memberi tumpuan meningkatkan daya tahan, kepelbagaian dan daya saing ekonomi. Kadar pertukaran nilai ringgit dijangka lebih kukuh setelah faktor luaran semakin stabil.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO  
[KLANG]**

**TARIKH : 31 JULAI 2017 (ISNIN)**

**SOALAN : 51**

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan telah membuat kajian impak ekonomi, sosial dan alam sekitar sebagai persediaan untuk membina pelabuhan baru di Pulau Carey. Apakah kesan terhadap saliran sungai yang akan melalui kampung-kampung tradisi Orang Asli Mah Meri seperti Kampung Bumbun.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, cadangan pembinaan pelabuhan ketiga di Pulau Carey, Selangor masih diperingkat penggubalan dasar Kementerian dengan mengambil kira cadangan tersebut perlu diperhalusi daripada aspek penilaian dan perolehan tanah, model pembangunan dan model operasi pelabuhan. Apabila perkara-perkara ini dimuktamadkan oleh Kerajaan, perbincangan dengan pihak-pihak berkepentingan (*stakeholder engagement*) akan dijalankan oleh Kementerian dan disusuli dengan kajian-kajian berkaitan.